

## **Kepemimpinan Guru Besar Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Di Sekolah Kebangsaan Daerah Kota Tinggi, Johor.**

Yusof Bin Boon & Mohd Musa Bin Shahrudin

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak** : Kajian ini untuk meninjau Kepemimpinan Guru Besar Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Tujuan kajian untuk mengenal pasti tahap pemahaman, tahap sokongan, tahap masalah dan perbandingan tahap pemahaman serta tahap masalah dari segi jantina dan lokasi sekolah (bandar dan luar bandar) dalam pelaksanaan PBS. Dapatan daripada kajian ini boleh digunakan oleh pihak-pihak tertentu seperti Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan pihak-pihak lain yang teribat secara langsung dalam merancang, merangka dan memeta hala tuju Dasar Pentaksiran Negara serta persediaan menghadapi pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan Negara (SPPK) menjelang tahun 2011. Responden kajian sebanyak 57 orang yang terdiri daripada Guru Besar semua sekolah aliran kebangsaan di daerah Kota Tinggi, Johor. Data kajian yang diperolehi melalui borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan Perisian *SPSS 15.0 for Windows*. Kaedah statistik deskriptif dan Ujian – t dipilih dalam menganalisis data kajian. Instrumen soal selidik pada nilai *Cronbach's Alpha* 0.813 digunakan untuk mengumpul data daripada responden. Dapatan kajian mendapati Guru Besar telah memahami PBS pada tahap tinggi, memberi sokongan dalam pelaksanaan PBS pada tahap tinggi dan menunjukkan tahap permasalahan di peringkat sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru lelaki dengan guru perempuan dan lokasi sekolah dari segi tahap pemahaman dan tahap permasalahan. Kajian ini juga telah mengenal pasti beberapa aspek permasalahan yang dihadapi oleh guru besar dalam pelaksanaan PBS yang perlu diatasi supaya pelaksanaan PBS memenuhi hasrat yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia serta memenuhi aspirasi negara melalui Dasar Pentaksiran Negara secara holistik.

**Katakunci** : kepimpinan guru besar, pentaksiran berasaskan sekolah (PBS)

### **Pengenalan**

Sistem pendidikan negara seringkali dianggap sebagai terlalu berorientasikan peperiksaan atau *exam oriented* yang dikatakan kurang baik. Perkara ini telah banyak dan lama dibahaskan serta pelbagai cadangan untuk memperbaiki keadaan ini telah dikemukakan. Begitu juga pandangan tentang bahaya memberikan terlalu banyak tumpuan kepada pencapaian dalam peperiksaan. Kita disarankan supaya lebih memberi tumpuan kepada pentaksiran yang holistik.

Menurut Jamil (2005), untuk mendapatkan maklumat tentang pembelajaran murid, kita boleh menggunakan proses pengukuran, penilaian atau pentaksiran. Pengukuran ialah proses mendapatkan maklumat dengan cara mengukur dengan menggunakan instrumen sebelum ukuran itu dapat dinilai atau diinterpretasikan. Proses pengukuran berakhir dengan maklumat berbentuk kuantitatif seperti markah mentah, peratus markah mentah, persentil (peratusan kedudukan seseorang berbanding kedudukan orang lain), agregat dan pangkat. Penilaian ialah proses mendapatkan maklumat tentang sesuatu diikuti dengan proses memberi nilai atau interpretasi kepada maklumat itu. Tidak seperti pengukuran, maklumat yang diperolehi daripada penilaian boleh jadi berbentuk kuantitatif atau kualitatif. Maklumat kualitatif dalam penilaian adalah

seperti "Baik", "Cemerlang", "Menguasai tahap pencapaian minimum" dan "Boleh membaca dengan kefahaman yang tinggi".

Walau bagaimanapun peperiksaan awam masih akan dilaksanakan tetapi peratusan agihan markah untuknya mungkin akan dikurangkan. Pemberatan yang lebih sesuai akan diteliti antara peperiksaan berpusat dan pentaksiran sekolah dalam pembaharuan ini. Sewajarnya pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah menjadi agenda utama dalam reformasi pendidikan masakini.

### **Pernyataan Masalah**

Menurut Khodori (2008), lima komponen utama sebagai pelengkap dalam pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) menjelang 2011 ialah pentaksiran sekolah, pentaksiran pusat, peperiksaan pusat, pentaksiran aktiviti jasmani dan kokurikulum dan ujian psikometrik. Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) termasuk dalam komponen pentaksiran pusat merupakan sebahagian daripada aktiviti yang menyumbang kepada kejayaan SPPK pada masa akan datang. Oleh yang demikian kepemimpinan guru besar dalam pelaksanaan PBS di peringkat sekolah amat diperlukan supaya matlamat dan hala tuju SPPK tidak menyimpang dari tujuan asalnya. Guru Besar sebagai pemimpin pelaksanaan PBS di sekolah perlu memahami sedalam-dalamnya konsep, prinsip dan prosedur pelaksanaannya. Guru Besar perlu menyokong dan membantu guru-guru dari semua aspek pelaksanaan PBS serta menyelesaikan segala permasalahan yang timbul tidak kira sekolah tersebut terletak di bandar atau luar bandar maupun faktor jantina guru.

### **Objektif kajian**

Tujuan kajian adalah;

- i. Mengenal pasti tahap pemahaman Guru Besar berkaitan dengan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- ii. Mengenal pasti tahap sokongan Guru Besar dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- iii. Mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh Guru Besar dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- iv. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap pemahaman dan masalah yang dihadapi oleh Guru Besar mengikut jantina dan lokasi sekolah dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang menumpukan kepada 3 aspek utama iaitu pemahaman Guru Besar dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah, tahap sokongan Guru Besar dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan permasalahan yang timbul semasa pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

Hasil kajian ini dapat memberi maklumbalas berkaitan dengan kepemimpinan Guru Besar dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Dapatan kajian ini juga dapat digunakan oleh pihak-pihak yang terlibat untuk:

- i. Membantu pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Bahagian-Bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) seperti Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Nazir Sekolah, dan Bahagian Buku Teks (SPBT) untuk merangka kursus / latihan yang sesuai kepada Guru Besar / bakal Guru

- Besar dan guru-guru khususnya guru yang mengajar mata pelajaran yang mempunyai komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah
- ii. Membantu Jabatan Pelajaran Negeri / Pejabat Pelajaran Daerah / Pejabat Pelajaran Gabungan menjalankan program-program yang dapat meningkatkan tahap profesionalisme guru-guru.
  - iii. Menjadi panduan dan bahan rujukan kepada bakal pengkaji dalam menjalankan kajian lanjutan.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah kajian kes berbentuk deskriptif. Manakala kaedah kuantitatif digunakan untuk mengumpul data dengan menggunakan instrument borang soal selidik. Menurut Mohd Majid (2000), penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji dan dilakukan dengan tujuan menerangkan serta menjelaskan sesuatu keadaan atau fenomena yang berlaku.

Reka bentuk ini dipilih kerana amat sesuai untuk mengkaji kepemimpinan guru besar dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di sekolah kebangsaan daerah Kota Tinggi, Johor. Secara umum, kajian ini melihat secara mendalam tiga fokus utama iaitu tahap pemahaman, tahap sokongan dan permasalahan yang dialami oleh guru besar dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Kajian ini akan menganalisis dapatan yang diperolehi daripada responden dan membandingkan dengan dasar, ciri-ciri serta prinsip yang termaktub dalam Modul Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (2007).

### **Sampel Kajian**

Menurut Mohd Najib (1999), ahli penyelidik menyarankan 30 peratus dari populasi adalah telah cukup sesuai sebagai saiz sampel dan ada juga yang berkata 30 sampel telah mencukupi. Perkara yang lebih penting perlu diatasi selain daripada saiz sampel ialah sampel mesti dapat mewakili populasi.

Responden dalam kajian ini mewakili semua populasi iaitu semua guru besar Sekolah Kebangsaan (SK) di daerah Kota Tinggi, Johor. Maklumat asas berkaitan responden dari segi bilangan guru besar, jantina dan lokasi sekolah tempat bertugas diperolehi dari Pejabat Pelajaran Daerah Kota Tinggi. Dalam kajian ini, pengkaji akan memastikan responden terdiri daripada Guru Besar yang menyandang jawatan secara hakiki sahaja.

### **Instrumen Kajian**

Untuk mendapatkan data bagi kajian ini pengkaji menggunakan borang soal selidik. Instrumen ini dipilih kerana ianya cara terbaik untuk mendapatkan data bagi mengkaji isu-isu dan permasalahan dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

#### **Soal Selidik**

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji. Menurut Marshall dan Rossman (1999), soal selidik mempunyai kekuatan tersendiri untuk mendapatkan maklum balas kajian antaranya, mudah untuk memanipulasikan dan mengkategorikan untuk dianalisis mengurus dan mentadbir data dengan mudah dan berkesan mudah untuk membuat generalisasi mudah menganalisis, menguji kesahan dan membuat trigulasi.

Pembinaan soal selidik berdasarkan beberapa andaian yang dicadangkan oleh Wolf (1988) iaitu,

- i. Responden dapat membaca dan memahami item-item dalam soal selidik
- ii. Responden mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mencukupi untuk menjawab item-item dalam soal selidik
- iii. Responden secara sukarela dan ikhlas menjawab soal selidik

Soal selidik yang digunakan mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi 4 item yang merangkumi maklumat diri responden seperti jantina, lokasi sekolah, perjawatan guru besar yang di sandang dan pengalaman bertugas (dalam tahun) sebagai guru besar. Latar belakang responden ini amat penting bagi kegunaan pengkaji mendapatkan tahap perbezaan berdasarkan jantina dan lokasi tempat bertugas responden dengan persoalan yang hendak dikaji mengikut keperluan tertentu. Responden dikehendaki menandakan (✓) pada ruangan yang disediakan.

Bahagian B terdiri dari 30 soalan yang mencakupi aspek yang hendak dikaji. Pembahagian soalan adalah seperti dalam Jadual 1 berikut;

**Jadual 1** Pecahan item berdasarkan komponen kajian

KOMPONEN ITEM	NOMBOR SOALAN	JUMLAH SOALAN
Tahap pemahaman Guru Besar	Soalan 5 hingga 14	10
Tahap sokongan Guru Besar	Soalan 15 hingga 24	10
Tahap permasalahan Guru Besar	Soalan 25 hingga 34	10
<b>JUMLAH SOALAN KESELURUHAN</b>		<b>30</b>

Pengukuran yang digunakan dalam borang soal selidik bahagian B adalah dengan menggunakan Skala Likert yang terdiri daripada 5 bentuk pilihan jawapan. Wiersma (1991), menjelaskan Skala Likert merupakan suatu skala dengan nombor skor yang menyumbang untuk pengukuran skala ordinal. Sebarang nilai skor boleh digunakan untuk sesuatu set respon tetapi ciri utama dalam Skala Likert adalah respon yang diberi mestilah bersesuaian dengan item soal selidik. Menurut Gay (1981), Skala Likert adalah berbentuk soalan yang memerlukan maklumbalas daripada responden terhadap kenyataan yang diberi melalui penilaian mereka sama ada sangat setuju, setuju, berkecuali, tidak setuju atau sangat tidak setuju.

Untuk bahagian ini, bagi setiap pernyataan responden perlu menyatakan darjah persetujuan kepada pernyataan tersebut yang terdiri daripada pilihan seperti berikut;

- 1 : Sangat Tidak Setuju (STS)
- 2 : Tidak Setuju (TS)
- 3 : Kurang Setuju (KS)
- 4 : Setuju (S)
- 5 : Sangat Setuju (SS)

Responden dikehendaki menjawab dengan membulatkan skor pada ruang jawapan yang disediakan. Jika responden sangat setuju dengan kenyataan yang diberikan, responden akan membulatkan jawapan pada ruang jawapan pada skor 5. Jika responden sangat tidak setuju dengan kenyataan yang diberikan, responden akan membulatkan jawapan pada ruang jawapan pada skor 1. Responden dikehendaki menjawab hanya satu skor yang difikirkan paling sesuai bagi sesuatu item berkenaan.

## Kajian Rintis

Kebolehpercayaan instrumen sangat penting sebelum sesuatu kajian dijalankan. Bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen, kajian rintis telah dijalankan. Kajian rintis memberi peluang kepada responden untuk memberi komen terhadap instrumen kajian khususnya untuk menilai dan memperbaiki kekurangan, kekeliruan dan kekaburan bahasa instrumen (Wiersma, 2000).

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen yang telah dibina dan memastikan soalan yang terdapat di soal selidik sesuai dengan situasi responden. Menurut Mohd Salleh dan Zaidatun (2001), kebolehpercayaan atau *reliability* merupakan ukuran keupayaan sesuatu instrument penyelidikan dalam mengukur permasalahan kajian secara konsisten setiap kali ia digunakan pada masa, tempat dan sampel berlainan. Nilai maksimum bagi pekali kebolehpercayaan ialah 1. Sekiranya nilai pekali tersebut kurang dari 0.6 maka bolehlah dianggap instrumen yang digunakan di dalam kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah.

Menurut Mohd Najib (1998), pula pekali Cronbach's Alpha untuk instrumen kajian diukur mengikut kriteria berikut:

**Jadual 2** Pekali Cronbach's Alpha

Nilai Alpha ( $\alpha$ )	Kebolehpercayaan
0.0 – 0.2	Rendah (ubah kesemua item)
0.2 – 0.8	Sederhana (ubah sebilangan item)
0.8 – 1.0	Tinggi (item boleh diterima)

Setelah melakukan ujian Cronbach's Alpha, pekali Cronbach's Alpha yang didapati adalah 0.813. Menurut Mohd Najib (1998), sekiranya mendapat nilai koefisyen yang tinggi iaitu 0.8 keatas maka kebolehpercayaan adalah tinggi. Oleh yang demikian, soal selidik yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik, beberapa semakan dan tapisan telah dibuat. Peringkat pertama, soal selidik disemak dan dibincangkan dengan penyelia sebelum kajian rintis dijalankan. Oleh kerana responden kajian adalah di kalangan guru besar aliran Sekolah Kebangsaan maka pengkaji telah memilih seramai 15 orang peserta Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) Ambilan 1 sesi 2006/2009, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai bagi tujuan kajian rintis. Pemilihan 15 orang rakan ini dilakukan secara rawak mudah. Pengkaji menggunakan *Statiscal Package For The Social Sciences (SPSS) Versi 15.0*. untuk mendapat nilai pekali kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach's*).

Kebolehpercayaan soal selidik diuji melalui data kajian rintis yang telah dijalankan. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan *reliability analysis* yang terdapat dalam perisian SPSS. Daripada *Reliability Analysis Statistic* yang dilakukan, dapatan kajian rintis memperolehi nilai Cronbach's Alpha = 0.813.

## Analisis Data

Bahagian ini membincangkan persoalan mengenai tahap pemahaman guru besar dalam pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS). Sebanyak 10 item dari Bahagian B iaitu item nombor 5 hingga nombor 14 diajukan kepada responden.

Dapatan analisis mendapati nilai min paling tinggi adalah pada item nombor 14 iaitu 4.632. Dalam item nombor 14 ini tiada responden yang menyatakan darjah persetujuan bagi skala sangat tidak setuju (STS), setuju (S) dan kurang setuju (KS). Sebanyak 21 orang (36.8 peratus) menyatakan setuju (S) manakala 36 responden (63.2 peratus) menyatakan sangat setuju (SS). Nilai sisihan piawai bagi item ini adalah 0.487.

Min paling rendah pula diperolehi bagi item nombor 8 iaitu 3.509. Darjah persetujuan paling tinggi adalah pada skala setuju (S) iaitu 20 responden ataupun 35.1 peratus diikuti kurang setuju (KS) 16 responden (28.1 peratus), sangat setuju (SS) 11 responden (19.3 peratus), tidak setuju (TS) tujuh orang (12.3 peratus) dan sangat tidak setuju (STS) tiga responden ataupun 5.3 peratus. Sisihan piawai bagi item nombor 8 ini merupakan nilai tertinggi iaitu 1.104.

Min keseluruhan bagi komponen tahap pemahaman adalah 4.179 di mana min berada pada markat min = 3.67 hingga 5.00 , petanda tahap di peringkat tinggi yang menggambarkan bahawa guru besar sangat memahami pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS). Jadual 3 menunjukkan taburan darjah persetujuan responden pada komponen 1.

**Jadual 3** Taburan Darjah Persetujuan Responden Pada Komponen 1 (Tahap Pemahaman Guru Besar Dalam Pelaksanaan PBS )

No Item	Pernyataan	STS Bil (%)	TS Bil (%)	KS Bil (%)	S Bil (%)	SS Bil (%)	Min	Sisihan Piawai
5	Sekolah wajib melaksanakan PBS bagi semua mata pelajaran yang mempunyai komponen kerja kursus, modul, projek dan amali	1 (1.8)	3 (5.3)	2 (3.5)	26 (45.6)	25 (43.9)	4.246	0.892
6	Pelaksanaan PBS akan menolak dakwaan yang mengatakan sistem peperiksaan di negara ini berasaskan peperiksaan ( <i>exam oriented</i> ).	0	1 (1.8)	7 (12.7)	30 (52.6)	19 (33.3)	4.175	0.710
7	PBS memberi penekanan kepada hentuk pentaksiran yang mengukur aspek penguasaan kemahiran berbanding penguasaan kandungan mata pelajaran semata-mata	0	3 (5.3)	7 (12.3)	24 (42.1)	23 (40.4)	4.175	0.848
8	Pelaksanaan PBS akan mengurangkan mata pelajaran peperiksaan awam.	3 (5.3)	7 (12.3)	16 (28.1)	20 (35.1)	11 (19.3)	3.509	1.104
9	PBS akan mengubah kaedah sistem pengujian dari ujian pencapaian kepada ujian kebolehan am.	0	3 (5.3)	7 (12.3)	33 (57.9)	14 (24.6)	4.018	0.767
10	PBS akan mengubah pendekatan pengajaran dan pembelajaran dengan memperbanyakkan aktiviti pengurusan projek, persembahan, kokurikulum, sahsiah dan budi pekerti.	0	0	6 (10.5)	31 (54.4)	20 (35.1)	4.246	0.635
11	PBS dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran.	1 (1.8)	1 (1.8)	5 (8.8)	35 (61.4)	15 (26.3)	4.088	0.763

12	PBS dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.	0	0	0	28 (49.1)	29 (50.9)	4.509	0.504
13	Dalam melaksanakan PBS pihak sekolah dikehendaki menguruskan dokumen, skor, evidens dan sijil / pernyataan masing-masing.	1 (1.8)	0	3 (5.3)	36 (63.2)	17 (29.8)	4.193	0.693
14	Pihak sekolah perlu menubuhkan Jawatankuasa PBS yang terdiri daripada pentaksir, penyelarasan dan pemantau dalaman bagi memastikan PBS dikendalikan mengikut prosedur yang ditetapkan.	0	0	0	21 (36.8)	36 (63.2)	4.632	0.487
Min Keseluruhan							4.179	

N = 57 ( Bilangan Responden )

### Perbincangan

Perbincangan yang hendak dibuat adalah berkaitan dengan pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di peringkat sekolah rendah. Perbincangan akan menjurus kepada persoalan kajian bagi memastikan objektif kajian ini tercapai serta peranan yang perlu dimainkan oleh guru besar sebagai pemimpin pentaksiran di peringkat sekolah.

Guru Besar memahami maklumat berkaitan dengan pelaksanaan PBS dan berkeupayaan menjadi peneraju utama membawa misi dan visi serta mampu merealisasikan Dasar Pentaksiran Negara. Sokongan padu guru besar dalam mengetuai pelaksanaan PBS menjadikan PBS sebagai satu sistem yang amat relevan untuk dilaksanakan dan selaras dengan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang akan menggantikan sistem peperiksaan yang lama menjelang tahun 2011 nanti. Faktor jantina dan lokasi sekolah sama ada bandar atau luar Bandar bukan faktor penentu dan penghalang dalam menjayakan misi dan visi pelaksanaan PBS. Walau bagaimanapun hasrat dan harapan yang ingin kita nikmati daripada sistem yang dibina tidak akan tercapai jika permasalahan yang dihadapi kini tidak dapat diselesaikan. Justeru itu, peranan guru besar sebagai pemimpin pentaksiran perlu dimainkan dengan sebaik mungkin.

Guru Besar sebagai pemimpin pentaksiran perlu ada kualiti diri sehingga ahli institusi sekolah yang dipimpinnnya merasa bahawa mereka adalah pemimpin yang membawa pembaharuan, mencetus idea, membangun, menumpu kepada manusia dan semangat, menyemarakkan harapan dan keyakinan, mempunyai perspektif jangka panjang, mempunyai jawapan kepada soalan apa dan mengapa, memandang ufuk persekitaran, mencabar status quo, menumpu perhatian kepada perkara yang betul dan mendahului masa dalam hal pentaksiran.

Guru Besar sebagai pemimpin pentaksiran di sekolah haruslah ilmunan dalam bidang pentaksiran. Mengetahui ilmu dalam bidang pentaksiran termasuklah prinsip asas dalam pentaksiran pendidikan, pengendalian, penentuan standard dan penggunaan hail pentaksiran. Bidang pentaksiran pendidikan adalah bidang profesional yang hanya dimiliki oleh guru dan guru besar yang memimpin profesionalisma pentaksiran di sekolah haruslah profesional dalam tindakannya berkaitan dengan pentaksiran pendidikan. Sebarang masalah hendaklah diatasi dengan profesional mengikut perkembangan yang dilalui oleh bidang tersebut. Mereka tidak seharusnya turut terikut-iklut oleh emosi sesetengah pihak yang menghentam tanpa usul periksa institusi pendidikan negara termasuk institusi pentaksiran. Mereka dalam tindakannya seharusnya merujuk pekeliling dan prosedur serta menggunakan kebijaksanaan yang berasaskan ilmu dan bacaan dalam bidang berkaitan. Mereka seharusnya peka dan mengambil berat tentang

perubahan format dalam peperiksaan dan mata pelajaran tertentu. Seterusnya mereka hendaklah proaktif menyampaikan maklumat terbaru dan mengambil tindakan sewajarnya untuk kebaikan murid-murid.

Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) sentiasa berusaha untuk mendekatkan pentaksiran kepada masyarakat dan mendekatkan masyarakat kepada pentaksiran. Masyarakat dalam konteks ini adalah termasuk sekolah dan warganya. Usaha ini dilakukan oleh LPM kerana terdapat jurang perbezaan yang besar dalam pemahaman dan praktis berhubung dengan pentaksiran antara LPM dan sekolah (Jamil, 2008). Seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1977 menyatakan bahawa LPM hanya berfungsi secara tidak langsung dalam hal penilaian berasaskan sekolah yang menjadi sebahagian besar agenda pentaksiran pendidikan. Sekolah sepatutnya menjadikan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) yang matlamatnya untuk membantu proses pembelajaran sebagai agenda utama.

Kefahaman masyarakat dalam pentaksiran pendidikan akan dapat mengelakkan daripada timbulnya masalah berkaitan dengan pentaksiran pendidikan di negara kita. Guru Besar disaran menjadi pemimpin di sekolah dalam hal ini agar jurang yang besar antara sekolah dan LPM dapat dikecilkan. LPM akan sentiasa memberi bantuan dan kerjasama dalam bentuk yang munasabah dalam usaha memasyarakatkan pentaksiran untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini. Adalah dijangkakan bahawa apabila kualiti pendidikan meningkat, kualiti pelajar di dalam pendidikan yang diukur daripada prestasi mereka dalam pendidikan juga akan sama meningkat. Ini terlaksana apabila sistem pentaksiran kebangsaan yang mempunyai kualiti tinggi menyumbang kepada sistem pendidikan kebangsaan yang berkualiti tinggi. Sistem pendidikan kebangsaan yang berkualiti tinggi menyumbang kepada kualiti pelajar yang juga tinggi.

## **Rujukan**

- Azura Ab Rasid (2005). *Permasalahan Yang Dialami Dalam Pelaksanaan Pentaksiran On-line bagi kurikulum Bestari Di Sebuah Sekolah Menengah Di Kuala Lumpur Serta Pendekatan Awal Untuk Mengatasinya*. Laporan Kajian Pendidikan Ijazah Sarjana Muda, UTM, Skudai.
- Bhasah Abu Bakar (2003). *Asas Pengukuran Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Quantum Books.
- Chase, C. I. (1984). *Elementary Statistical Procedures 3 rd ed*. Toronto: Mc Graw-Hill.
- Gay, L. R. (1981). *Education Research, 2nd Edition*. London: A Bell & Howell Company.
- Ibrahim Mamat (1998). *Pengetua Sekolah Menangani Isu dan Cabaran Kepemimpinan*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Hildebrand, D. K. (1986). *Statistical Thinking For Behavioral Scientist*. Boston: BWS.
- Jamil Adimin (2008). *Pengetua Dan Guru Besar Sebagai Pemimpin Pentaksiran Di Sekolah*. Ehwat Pendidikan. Bil 17/2008.
- Khodori *et al.* (2006). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah – Cara Australia*. Utusan Malaysia (Sisipan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia), 26 Oktober 2006.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2007). *Modul Penataran Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Linn, R., and Gronland, N. E. (1995). *Measurementt and Assessment in Teaching (7th Ed.)* Eaglewood Cliff, N.J: Merrill/Prentice Hall, 6 – 7
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.



- Mohd Najib Abdul Ghafar (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sulaiman Rashid (2003). *Pentaksiran Kerja Amali Sains Berdasarkan Sekolah: Satu Tinjauan Di Beberapa Sekolah Menengah Di Daerah Segamat*. Laporan Kajian Pendidikan Ijazah Sarjana, UTM, Skudai.
- Universiti Teknologi Malaysia (2001). *Panduan Menulis Tesis*. Perpustakaan Sultanah Zanariah
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods In Education: An Introduction 7 th . Ed.* Boston: Allyn & Bacon.
- Wolf, R. M. (1988). *Questionnaires dalam Keeves, J.P (Ed). Educational Research Methodology and Measurement : An International Hand Book*. Oxford: Pergamon Press.
- Zaidatun Tasir Dan Mohd Salleh Abu (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn Bhd.